

**PEMBENTUKAN TEORI SUBSTANTIF
BERDASARKAN SIKAP REMAJA
TERHADAP PENDIDIKAN
PASCA MENENGAH**

AHMAD RIDZUAN BIN MIDAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBENTUKAN TEORI SUBSTANTIF BERDASARKAN SIKAP REMAJA
TERHADAP PENDIDIKAN PASCA MENENGAH**

AHMAD RIDZUAN BIN MIDAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila Taipkan (✓):

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah


<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 9 / 9 / 2025.

i. Perakuan pelajar :


Saya, **AHMAD RIDZUAN BIN MIDAN, P20221001039, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk **PEMBENTUKAN TEORI SUBSTANTIF BERDASARKAN SIKAP REMAJA TERHADAP PENDIDIKAN PASCA MENENGAH** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. NOR JUNAINAH BINTI MOHD ISA** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PEMBENTUKAN TEORI SUBSTANTIF BERDASARKAN SIKAP REMAJA TERHADAP PENDIDIKAN PASCA MENENGAH** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **DOKTOR FALSAFAH PSIKOLOGI PENDIDIKAN.**

26/09/2025
Tarikh


DR NOR JUNAINAH MOHD ISA
PENSYARAH
JABATAN PENGAJIAN PENDIDIKAN
FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA, UPSI
Tandatangan Penyelia

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**Tajuk / Title: PEMBENTUKAN TEORI SUBSTANTIF BERDASARKAN SIKAP REMAJA
TERHADAP PENDIDIKAN PASCA MENENGAHNo. Matrik / Matric's No.: P20221001039Saya / I : AHMAD RIDZUAN BIN MIDAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

 SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

 TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

 TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

DR NOR JUSAINAH MOHD ISA
PENSYARAH

JABATAN PENGAJIAN PENDIDIKAN
FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA, UPSI

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)Tarikh: 26/9/2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim.

Assalamualaikum dan salam sejahtera, terlebih dahulu bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menuntut ilmu di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Psikologi Pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Alhamdulillah pelbagai cabaran dan onak duri telah saya tempuhi dalam menyelesaikan kajian ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia yang saya sanjungi dan kagumi, Dr. Nor Junainah binti Mohd Isa yang telah membimbing saya dengan penuh dedikasi dan telah meluangkan masa dengan penuh kesabaran untuk memberi tunjuk ajar sepanjang kajian ini dilaksanakan. Nilai kepimpinan dan sifat bertimbang rasa beliau menjadi perangsang kepada saya sebagai sokongan moral yang kuat untuk menyiapkan kajian ini. Segala ilmu yang dicurahkan oleh beliau telah membuka laluan pemikiran yang berbeza dalam diri saya untuk menilai setiap detik kehidupan yang bermakna. Sifat keperibadian yang mulia ini akan sentiasa saya sanjungi dan ingati hingga akhir hayat.

Selain itu, tidak dilupakan kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan sokongan moral kepada saya sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Mereka banyak membantu saya sewaktu saya menjalankan penyelidikan ini. Sehingga ada yang sanggup menumpangkan saya untuk menetap dirumahnya selama satu semester tanpa sebarang bayaran. Pelbagai lagi kebaikan yang tidak dapat diungkapkan dan hanya boleh disimpan di lubuk hati yang terlalu dalam. Tambahan lagi, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah yang telah mengajar saya secara langsung mahupun tidak langsung.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya iaitu Encik Midan Bin Md. Dali dan Puan Rahmah Binti Mat Lani dan adik beradik yang sentiasa memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi dari segi moral dan juga kewangan kepada saya untuk melanjutkan pengajian saya ke peringkat Doktor Falsafah ini. Tanpa sokongan dan dorongan mereka semua sudah pasti perjalanan pengajian saya akan mengalami kesukaran. Hal ini adalah kerana saya telah mengambil keputusan berhenti kerja sewaktu saya melanjutkan pengajian saya di universiti dan telah bergantung harap sepenuhnya dari segi kewangan daripada ibu bapa saya.

Tambahan lagi, ribuan terima kasih juga diucapkan kepada para peserta yang melibatkan diri dalam kajian ini. Pelbagai pengalaman dapat diperoleh dalam menjalankan sesi temu bual dengan peserta kajian ini. Bermula dari membuat temu janji sehinggalah melakukan sesi temu bual berkumpulan, pelbagai perkara yang





mematangkan saya dalam menempuhi masa akan datang. Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada bekas majikan saya yang telah memberikan peluang dan kebenaran untuk melanjutkan pengajian sebelum saya mengambil keputusan untuk berhenti kerja. Pelbagai pengalaman telah diperolehi sewaktu bekerja di syarikat tersebut dan telah menjadikan saya sebagai seorang yang lebih berani dan bertanggungjawab.

Saya berharap semoga kajian ini mendapat keberkatan daripada Allah serta dapat memberikan manfaat kepada semua.

Terima kasih.





ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti sikap remaja lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tentang keinginan untuk menyambung pengajian ke peringkat pasca menengah. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk *constructivist grounded theory* (CGT). Pendekatan CGT ini membina teori substantif bagi menerangkan permasalahan dalam lapangan bidang tertentu. Pengkaji telah menggunakan teknik temu bual separa berstruktur terhadap 30 orang peserta yang dipilih melalui proses pemilihan bertujuan, teoretikal, dan bola salji. Proses menganalisis data menggunakan kaedah pengekodan awal dan pengekodan terfokus daripada perisian *Atlas-ti* yang telah diperkenalkan oleh Kathy Charmaz. Hasil analisis tematik telah menemui 92 kod utama, 28 subkategori, lima kategori, dan empat tema. Selain itu, perbandingan konstan turut dijalankan dalam setiap peringkat pengumpulan dan penganalisisan data kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa remaja lepasan SPM mempunyai dua perspektif yang dipengaruhi oleh persekitaran, iaitu faktor penggalak dan faktor penolak. Bagi faktor penggalak, golongan remaja lepasan SPM ini menerima sokongan daripada ibu bapa, guru-guru, rakan-rakan, dan masyarakat sekeliling. Bagi faktor penolak pula, golongan remaja ini menerima pengaruh persekitaran negatif yang menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk tidak melanjutkan pelajaran. Kedua-dua faktor ini menjadi teras pembinaan teori substantif yang merangkumi empat tema utama, iaitu perspektif, sikap, strategi, dan hasil. Perkaitan antara tema-tema ini membentuk teori substantif yang digelar sebagai teori sikap remaja terhadap pendidikan pasca menengah. Kesimpulannya, *grounded theory* yang dihasilkan dalam kajian CGT ini dapat meningkatkan kesedaran tentang sikap golongan remaja lepasan SPM terhadap pendidikan pasca menengah. Di samping itu, *constructivist grounded theory* ini juga menerangkan bahawa faktor penggalak dan faktor penolak mempunyai pengaruh yang meluas terhadap proses pembelajaran dan masa depan remaja. Implikasinya, teori yang terhasil dapat diaplikasikan oleh ibu bapa, guru, pihak sekolah, serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan faktor penggalak dan mengurangkan faktor penolak. Hal ini bagi memastikan golongan remaja lebih berminat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pasca menengah.





THE FORMATION OF A SUBSTANTIVE THEORY BASED ON ADOLESCENTS' ATTITUDES TOWARDS POST-SECONDARY EDUCATION

ABSTRACT

This study aims to identify the attitudes of Malaysian Certificate of Education (SPM) school leavers regarding their interest in pursuing post-secondary education. This qualitative study employs a constructivist grounded theory (CGT) design. The CGT approach facilitates the development of a substantive theory to explain issues within a specific field. The researcher conducted semi-structured interviews with 30 participants selected through purposive, theoretical, and snowball sampling methods. Data were analysed using initial and focused coding techniques via the ATLAS.ti software, following the approach introduced by Kathy Charmaz. Thematic analysis yielded 92 key codes, 28 subcategories, five categories, and four overarching themes. Constant comparison was also applied at every stage of data collection and analysis. The findings indicate that SPM school leavers hold two distinct perspectives influenced by their environment: enabling factors and inhibiting factors. Enabling factors include support from parents, teachers, peers, and the surrounding community. In contrast, inhibiting factors stem from negative environmental influences that lead these youths to opt out of further education. These two factors form the foundation of a substantive theory encompassing four main themes: perspectives, attitudes, strategies, and outcomes. The interrelation of these themes culminates in a substantive theory referred to as the adolescents' attitude theory towards post-secondary education. In conclusion, the grounded theory developed through this CGT study enhances understanding of SPM school leavers' attitudes toward post-secondary education. Furthermore, this constructivist grounded theory highlights that both enabling and inhibiting factors exert a broad influence on adolescents' learning processes and future trajectories. The implications of the developed theory suggest its practical applicability for parents, educators, schools, and the Ministry of Education Malaysia (MoE) in enhancing enabling factors while reducing inhibiting ones. This, in turn, is essential to fostering greater interest among adolescents in pursuing post-secondary education.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK vi

ABSTRACT vii

KANDUNGAN viii

SENARAI JADUAL xvi

SENARAI RAJAH xvii

SENARAI SINGKATAN xx

SENARAI LAMPIRAN xxii

BAB 1 PENGENALAN 1

1.1 Pengenalan 1

1.2 Pernyataan Masalah 4

1.3 Rumusan dan Kandungan Bab Tesis 7

BAB 2 KAEDAH KAJIAN 10

2.1 Pengenalan 10

2.2 Pendekatan Reka Bentuk dan Teknik Kajian 10

2.3	Tujuan Kajian	12
2.4	Soalan Kajian	13
2.5	Andaian dan Delimitasi Kajian	13
2.6	Definisi Istilah	14
2.6.1	Sikap	14
2.6.2	Remaja	15
2.6.3	Pendidikan Pasca Menengah	17
2.6.4	Teori Substantif	18
2.6.5	Model Teoretikal	19
2.6.6	Sikap Remaja Terhadap Pendidikan Pasca Menengah	22
2.7	Peserta Kajian	23
2.8	Pengumpulan Data	25
2.8.1	Temu bual mendalam Separa Berstruktur	25
2.8.2	Pemilihan Peserta bagi Proses Temu Bual	26
2.9	Analisis Data	27
2.10	Pertimbangan Etika	28
2.11	Kriteria Penilaian	29
2.11.1	Kredibiliti	30
2.11.2	Keaslian	31
2.11.3	Resonans	31
2.11.4	Kebergunaan	31

2.12 Rumusan	32
--------------	----

BAB 3 DAPATAN KAJIAN	34
-----------------------------	-----------

3.1 Pendahuluan	34
-----------------	----

3.2 Temu Bual dan Profil Peserta Kajian	35
---	----

3.3 Transkripsi Temu Bual	37
---------------------------	----

3.4 Pengekodan Awal	38
---------------------	----

3.5 Pengekodan Terfokus	46
-------------------------	----

3.6 Dapatan Kajian Hasil daripada Proses pengekodan	48
---	----

3.6.1 Faktor Penggalak	49
------------------------	----

3.6.1.1 Kesedaran Diri	49
------------------------	----

3.6.1.2 Keinginan	58
-------------------	----

3.6.1.3 Sokongan Keluarga	61
---------------------------	----

3.6.1.4 Individu Signifikan	67
-----------------------------	----

3.6.1.5 Media Sosial	74
----------------------	----

3.6.1.6 Tarikan Luar	76
----------------------	----

3.6.1.7 Kerjaya	78
-----------------	----

3.6.1.8 Sumbangan Kewangan	81
----------------------------	----

3.6.2 Faktor Penolak	83
----------------------	----

3.6.2.1 Ekonomi	84
-----------------	----

3.6.2.2 Program Pengajian	88
---------------------------	----

3.6.2.3 Demotivasi	92
--------------------	----

3.6.2.4	Kendiri	101
3.6.3	Sikap	107
3.6.3.1	Definisi	108
3.6.3.2	Akses Kewangan	110
3.6.3.3	Pendidikan Tinggi	113
3.6.3.4	Institusi Pendidikan Tinggi	117
3.6.3.5	Kelebihan Ilmu	127
3.6.3.6	Perasaan	130
3.6.3.7	Jangkaan	135
3.6.4	Strategi	137
3.6.4.1	Strategi Mendapatkan Sokongan	138
3.6.4.2	Strategi Mendapatkan Bantuan	145
3.6.4.3	Strategi Mencari Maklumat	149
3.6.4.4	Proaktif	152
3.6.4.5	Resilien	156
3.6.4.6	Asertif	157
3.6.4.7	Pasif	159
3.6.4.8	Agresif	160
3.6.4.9	Hasil	161
3.7	Penulisan Memo	171
3.7.1	Memo Temu Bual	172

3.7.2	Memo Konseptual	174
3.7.3	Memo Kes	175
3.7.4	Memo Aktiviti	177
3.8	Refleksiviti Pengkaji	181
3.9	Rumusan	182
BAB 4	PEMBINAAN TEORI	183
4.1	Pendahuluan	183
4.2	Pembentukan Tema	184
4.3	Hubungan antara Tema	188
4.4	Teori Substantif dan Model Teoretikal	190
4.4.1	Remaja	195
4.4.2	Perspektif	196
4.4.3	Sikap	197
4.4.4	Strategi	201
4.4.5	Hasil	205
4.5	Rumusan	207
BAB 5	TINJAUAN LITERATUR DAN PERBINCANGAN	209
5.1	Pendahuluan	209
5.2	Sikap Golongan Remaja Lulusan SPM terhadap Pendidikan Pasca Menengah	210
5.2.1	Kesedaran Diri	214
5.2.2	Keinginan	215

5.2.3 Sokongan Keluarga dan Individu Signifikan	217
5.2.4 Media Sosial dan Tarikan Luar	220
5.2.5 Kerjaya dan Sumbangan Kewangan	222
5.2.6 Ekonomi	224
5.2.7 Program Pengajian	227
5.2.8 Demotivasi dan Kendiri	229
5.2.9 Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)	234
5.2.10 Sikap	238
5.2.11 Konsep Masyarakat Melayu	247
5.2.12 Isu Sosioekonomi Masyarakat Melayu terhadap Pendidikan Pasca Menengah	250
5.2.13 Hubungan Program Semarak Siswa MADANI dengan Remaja Melayu	255
5.2.14 Strategi	257
5.2.15 Hasil	267
5.3 Rumusan dan Dapatan Tema Baharu	269
5.4 Rumusan	270
BAB 6 RUMUSAN DAN REFLEKSI	274
6.1 Pendahuluan	274
6.2 Rumusan Kajian	275
6.3 Kualiti Kajian	278
6.3.1 Keaslian	278

6.3.1.1	Pemilihan Metodologi	278
6.3.1.2	Pemilihan Kes	279
6.3.2	Kredibiliti	295
6.3.2.1	Menjalankan Temu Bual secara Mendalam	295
6.3.2.2	Melebihi Bilangan Peserta Kajian	296
6.3.2.3	Merakam Temu Bual secara Audio	296
6.3.2.4	Memberi Kebenaran Menyemak Transkrip	297
6.3.2.5	Menjalankan Temu Bual Berkumpulan	297
6.3.2.6	Mencatat Memo	298
6.3.2.7	Berbincang dengan Penyelia	299
6.3.2.8	Berbincang dengan Pakar	299
6.3.3	Resonans	300
6.3.4	Kebergunaan	308
6.3.4.1	Faedah terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	308
6.3.4.2	Faedah terhadap Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	309
6.3.4.3	Manfaat terhadap Bidang Penyelidikan Pendidikan Pasca Menengah	311
6.3.4.4	Implikasi Model kepada Sikap Remaja terhadap Pendidikan Pasca Menengah	312
6.3.4.5	Sumbangan terhadap Penghasilan Produk	330
6.4	Cabaran dan Limitasi Kajian	332
6.5	Cadangan Kajian Masa Depan	335

6.6 Penutup

338

RUJUKAN

339

LAMPIRAN

366

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Jumlah Remaja Bumiputera yang Menerima dan Menolak Tawaran Menyambung Pengajian	4
1.2	Peratusan Remaja yang Tidak Menyambung Pengajian ke Universiti	5
3.1	Rumusan Profil Peserta Kajian	37
3.2	Rangkuman Kod Awal dan Kategori Tentatif	39
3.3	Contoh Kod dan Kategori Pengkodan Awal dan Terfokus	47
3.4	Kod Utama, Sub Kategori, Kategori dan Tema dalam Fasa Pengkodan Terfokus	166
4.1	Sub Kategori, Kategori dan Tema	186
5.1	Peratusan Remaja yang Tidak Menyambung Pengajian ke Universiti dari 2017 sehingga 2022	212
5.2	Jumlah Remaja Bumiputera Menerima dan Menolak Tawaran Menyambung Pengajian	213
5.3	Perkara Baharu yang Muncul daripada Tema yang Terhasil	269
6.1	Senarai Kajian Pendidikan Pasca Menengah di Malaysia	282
6.2	Senarai Kajian Pendidikan Pasca Menengah Luar Negara	290
6.3	Persamaan dan Perbezaan Dapatan dengan Literatur bagi Kajian Sikap Remaja terhadap Pendidikan Pasca Menengah	305
6.4	Persamaan dan Perbezaan dengan Teori Psikologi Pendidikan	328

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Kesedaran Diri	58
3.2	Keinginan	61
3.3	Sokongan Keluarga	67
3.4	Individu Signifikan	74
3.5	Media Sosial	76
3.6	Tarikan Luar	78
3.7	Kerjaya	80
3.8	Sumbangan Kewangan	83
3.9	Ekonomi	88
3.10	Program Pengajian	92
3.11	Demotivasi	100
3.12	Kendiri	107
3.13	Definisi Pendidikan Pasca Menengah	110
3.14	Akses Kewangan	113
3.15	Pendidikan Tinggi	117
3.16	Institusi Pendidikan Tinggi	126

3.17	Kelebihan Ilmu	130
3.18	Perasaan	135
3.19	Jangkaan	137
3.20	Mendapatkan Sokongan	145
3.21	Mendapatkan Bantuan	148
3.22	Strategi Mencari Maklumat	152
3.23	Proaktif	155
3.24	Resilien	157
3.25	Asertif	158
3.26	Pasif	160
3.27	Agresif	161
3.28	Hasil	165
3.29	Memo Temu Bual Satu	173
3.30	Memo Temu Bual Dua	173
3.31	Memo Temu Bual Tiga	174
3.32	Memo Konseptual 1	175
3.33	Memo Konseptual 2	175
3.34	Memo Kes 1	176
3.35	Memo Kes 2	177
3.36	Memo Aktiviti: Perancangan Mingguan	178
3.37	Memo Aktiviti: Temu Janji Dengan Peserta Kajian	178

3.38	Memo Aktiviti: Temu Janji Pakar	179
3.39	Memo Lakaran	180
4.1	Perspektif	185
4.2	Strategi Penyelesaian Masalah	186
4.3	Hubungan antara Tema	189
4.4	Model Sudut Pandang Sikap Remaja terhadap Pendidikan Pasca Menengah	192
6.1	Model Sudut Pandang Sikap Remaja Terhadap Pendidikan Pasca Menengah	277

SENARAI SINGKATAN

B40	<i>Bottom 40</i>
CGT	<i>Constructivist Grounded Theory</i>
COVID-19	<i>Coronavirus Disease 2019</i>
DLP	<i>Dual Language program</i>
GT	<i>Grounded Theory</i>
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPT	Institut Pendidikan Tinggi
JPM	Jabatan Perangkaan Malaysia
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
KUIPSAS	Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MOSTI	Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi
MPN	Majlis Profesor Negara
Pengkaji	Kata ganti nama diri penyelidik kajian
pengkaji	Kata nama



PHD	<i>Doctor of Philosophy</i>
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPB	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
PKPD	Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPMV	Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
UCSI	<i>University College Sedaya International</i>
UPU	Unit Pusat Universiti
USIM	Universiti Islam Malaysia
YaPEIM	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia



SENARAI LAMPIRAN

- A Persetujuan Termaklum
- B Profil Peserta Kajian
- C Soalan Temu Bual
- D Kesahan Protokol Temu Bual
- E Profil Peserta Kajian
- F Kod Terfokus
- G Sebahagian Data Pengekodan
- H Surat Pengesahan Menjalankan Kajian
- I Sijil Mengikuti Kursus Etika
- J Laporan Penilaian Cadangan Penyelidikan
- K Laporan Pembentangan Hasil Dapatan Kajian



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan



Ikan puyu menjadi santapan,
Santapan oleh orang dahulu,
Ilmu kini makin dilupakan,
Tidak seperti zaman dahulu.

Tanam ubi gunakan parang,
Ubi ditanam oleh si nyonya,
Jika mahu anak cemerlang,
Perlulah dilentur dari rebungunya.

Tanam sayur di atas batas,
Sayur ditanam oleh Mina,
Janganlah kita bersikap malas,
Kelak nanti dipandang hina.





Berdasarkan kepada pantun di sebelah, cadangan kajian ini merupakan cetusan daripada kebimbangan dan kekeliruan Pengkaji terhadap perlakuan remaja lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak berminat untuk menyambung pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Pada penghujung tahun 2019, dunia telah digemparkan dengan ancaman *COVID-19*. Di Malaysia, penyakit ini telah dikesan berlaku pada 25 Januari 2020. Bagi mengekang penularannya, pihak kerajaan telah mengeluarkan pelbagai arahan dan menguatkuasakan undang-undang seperti Prosedur Operasi Standard (SOP), Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Hal ini telah mengubah landskap budaya, pemikiran, cara hidup, dan pandangan masyarakat terhadap aspek seperti ekonomi, sosial, kerjaya, pendidikan, serta kerohanian.

Daripada konteks pendidikan, Pengkaji mendapati kebanyakan anak muda yang telah menghabiskan pengajian sehingga Tingkatan Lima seperti tidak berminat atau bermotivasi untuk meneruskan pengajian ke peringkat tertier. Pelbagai cara digunakan mereka untuk mengelakkan diri daripada melanjutkan pelajaran. Oleh sebab rumah Pengkaji merupakan tempat di mana segala surat menyurat penduduk kampung diletakkan, maka Pengkaji dapat mengetahui perkara ini. Pernah terjadi pada satu masa, seorang remaja sanggup menghampakan harapan ibu bapanya apabila sanggup membuat penipuan semasa mengisi permohonan ke kolej swasta. Hal ini terbongkar apabila ibu Pengkaji menyerahkan surat yang dihantar oleh posmen ke rumah remaja berkenaan. Wajah kegembiraan bertukar menjadi muram sebaik sahaja ibu remaja itu melihat nama yang tertera di atas surat yang diberikan. Jelas kelihatan bahawa remaja





itu enggan untuk meneruskan pengajian kerana nama yang tercetak ialah milik adiknya, iaitu seorang murid berumur 17 tahun yang masih lagi bersekolah menengah.

Apa yang lebih mengejutkan, remaja itu juga telah membuang dua pucuk surat tawaran sambung belajar yang ditawarkan oleh pihak Institusi Pengajian Tinggi Awam. Persoalan yang bermain di fikiran Pengkaji sekarang, mengapakah remaja berkenaan menolak peluang yang diberikan sedangkan kedua-duanya ditaja sepenuhnya tanpa perlu membuat sebarang pembayaran? Pengkaji berasa sangat sedih dan terkilan dengan tindakan remaja itu kerana sebelum pandemik *COVID-19*, peluang untuk anak muda menyambung pengajian adalah sukar. Namun, selepas berlakunya wabak ini kerajaan memberikan keistimewaan kepada pelajar-pelajar untuk menarik minat mereka bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Sayangnya, manfaat yang diberikan ini telah disia-siakan begitu sahaja. Siapakah yang harus dipersalahkan dalam perkara sebegini?

Kajian ini memberikan jawapan bagi setiap tanda tanya yang mendorong Pengkaji untuk menjalankan penyelidikan terhadap remaja lepasan SPM. Memandangkan kajian ini bukannya untuk membuktikan atau mengesahkan teori sedia ada, maka Pengkaji tidak membina andaian awal. Pengkaji juga memilih kaedah *Constructivist Grounded Theory* (CGT) selaras dengan matlamat asal, iaitu meneroka pandangan remaja lepasan SPM terhadap pendidikan pasca menengah.



1.2 Pernyataan Masalah

Dalam dunia yang semakin mencabar, pendidikan tinggi sering dianggap sebagai kunci kepada masa depan yang lebih cerah bagi seseorang individu. Idealnya, remaja lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seharusnya melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi bagi meningkatkan tahap kelayakan akademik dan memperkukuhkan kebolehpasaran dalam sektor pekerjaan. Namun, realiti pada masa kini telah menunjukkan trend yang agak membimbangkan di mana sebahagian besar golongan remaja lepasan SPM didapati enggan untuk menyambung pengajian ke universiti. Tiada jumlah data rasmi berdasarkan maklumat terkini yang telah dikeluarkan mengenai bilangan pelajar Melayu lepasan SPM yang enggan melanjutkan pengajian. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa statistik umum yang dapat memberikan gambaran mengenai trend ini. Jadual 1.1 di bawah memaparkan bilangan remaja bumiputera yang telah menerima dan menolak untuk menyambung pengajian mereka ke universiti.

Jadual 1.1

Jumlah Remaja Bumiputera yang Menerima dan Menolak Tawaran Menyambung Pengajian

Tahun	Terima Tawaran	Tolak Tawaran
2020	109,138 Orang	39,910 Orang
2021	127,003 Orang	78,543 Orang
2022	129,412 Orang	73,431 Orang
Jumlah	365,553 Orang	191,884 Orang

(Utusan Malaysia, 2023)

Dalam pada itu, Jadual 1.2 berikut menerangkan secara keseluruhan mengenai peratusan remaja yang mengambil keputusan untuk tidak meneruskan pengajian ke universiti dalam tempoh enam tahun dari tahun 2017 sehingga 2022.

Jadual 1.2

Peratusan Remaja yang Tidak Menyambung Pengajian ke Universiti

Tahun	Peratusan %
2017	58.91
2018	59.48
2019	69.64
2020	35.15
2021	48.74
2022	61.25

(Utusan Malaysia, 2023)

Kajian lepas banyak menekankan kepentingan pendidikan tinggi dalam meningkatkan mobiliti sosial dan ekonomi seseorang individu. Namun, realitinya masih wujud pelbagai cabaran dalam pemahaman mengenai faktor yang menyebabkan golongan ini memilih untuk tidak meneruskan pengajian mereka. Terdapat beberapa kajian telah dijalankan mengenai akses pendidikan tinggi. Namun, penyelidikan yang mendalam mengenai perspektif, cabaran, faktor dalaman, faktor luaran, serta sikap yang dapat mempengaruhi keputusan yang dilakukan masih lagi kurang dilaksanakan.

Fenomena ini menimbulkan kebimbangan terhadap pembangunan modal insan negara, terutamanya dalam memenuhi keperluan tenaga kerja berkemahiran tinggi lebih-lebih lagi selepas berlakunya penularan wabak *COVID-19*. Situasi ini juga telah



menyebabkan banyak sektor terpaksa ditutup termasuklah sektor pendidikan. Masalah ini juga telah menyebabkan sistem pendidikan terpaksa ditukar kepada secara dalam talian. Hal ini telah menimbulkan masalah kepada golongan ini untuk mendapatkan capaian internet bagi menghadiri kelas yang dijalankan. Lantas, situasi telah memberikan tanggapan negatif kepada golongan yang telah menghabiskan pengajian di tingkatan lima untuk tidak meneruskan pengajian. Mereka menjadi lebih gemar untuk terus bekerja dalam sektor *gig*. Malah, terdapat juga yang terus bekerja tanpa menyambung pengajian kerana mahu membantu keluarga untuk menampung perbelanjaan seharian.

Natijahnya, isu ini telah menyebabkan negara ketandusan tenaga kerja yang mahir dan berkualiti dalam melahirkan bakal pemimpin pada masa hadapan. Saban tahun Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengeluarkan kenyataan tentang peningkatan golongan remaja yang menolak permohonan ke universiti. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pula, kehadiran murid setiap tahun untuk menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengalami penurunan tanpa sebarang sebab yang kukuh. Oleh itu, kajian ini merungkai sikap golongan ini terhadap pendidikan pasca menengah atau lepasan SPM, “mengapa” dan “bagaimana” mereka mengambil sesuatu keputusan berdasarkan sudut pandang remaja lepasan SPM. Kajian ini mengenal pasti sikap remaja terhadap pendidikan pasca menengah berdasarkan perspektif mereka dan dapatan kajian ini diharapkan dapat mengisi jurang kajian terdahulu mengenai isu enggan untuk menyambung pengajian ke universiti.





Kajian kualitatif ini meneroka secara lebih mendalam pandangan remaja lepasan SPM terhadap sikap pendidikan pasca menengah. Pengetahuan dan teori substantif yang dibina oleh penyelidikan CGT ini diharapkan dapat menjadi rujukan dan panduan untuk para pemegang taruh yang terdiri daripada remaja, pihak ibu bapa, guru, pentadbiran sekolah, pihak KPT, dan pembina dasar. Usaha penyelidikan ini adalah bagi memastikan golongan remaja ini memiliki pendidikan yang sempurna, lantas dapat melahirkan pemimpin yang berkualiti dan berwibawa serta dapat memacu negara ke persada dunia.

1.3 Rumusan dan Kandungan Bab Tesis

Kaedah CGT dalam tesis ini adalah berbeza dengan kajian kualitatif yang sedia ada dari segi format laporan penyelidikan. Antara perbezaannya ialah penulisan bab tinjauan literatur bukannya terletak di peringkat awal kajian. Sebaliknya, tinjauan literatur ini dilaksanakan setelah data kajian dipungut. Penanggihan ini bertujuan untuk mengelak para pengkaji GT daripada dipengaruhi oleh idea, rumusan atau kesimpulan yang telah wujud (Charmaz, 2006, 2014; Glaser & Strauss, 1967). Penanggihan tinjauan literatur juga akan menggalakkan para penyelidik *Grounded Theory* (GT) untuk membawa atau mengembangkan idea-idea tersendiri dalam kajian mereka. Bagi memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai bentuk laporan kajian ini, penerangan secara ringkas bagi setiap bab dalam tesis ini adalah seperti berikut:

Bab Pertama ini mengandungi pengenalan terhadap topik kajian, pernyataan masalah, serta kandungan bab tesis. Pada permulaan bab satu, Pengkaji telah memulakan penulisan dengan tiga rangkap pantun bagi melambangkan trend tentang





sikap golongan remaja lepasan SPM ini yang enggan untuk menyambung pengajian. Selain itu, pantun yang dibina juga menerangkan kepentingan untuk melanjutkan pengajian. Malah, menurut Charmaz (2006, 2014), penulisan bab pertama lebih ringkas kerana lebih bersifat pengenalan dengan hanya beberapa muka surat, untuk memberikan gambaran umum tentang konteks kajian tanpa menyentuh sebarang teori awal.

Dalam Bab Kedua, Pengkaji menghuraikan pendekatan penyelidikan, reka bentuk kajian, teknik pengumpulan data, tujuan kajian, persoalan penyelidikan, andaian dan limitasi kajian. Pengkaji turut menjelaskan definisi istilah yang digunakan, pemilihan peserta, serta proses pengumpulan dan analisis data yang telah dilaksanakan. Selain itu, Pengkaji menerangkan pertimbangan etika yang diambil kira sepanjang kajian dijalankan serta menggariskan kriteria penilaian yang digunakan untuk meningkatkan kualiti kajian.



Dalam Bab Ketiga, Pengkaji mengupas secara mendalam dapatan kajian yang telah diperoleh dan dianalisis. Pengkaji membentangkan data yang merangkumi profil peserta, serta hasil analisis daripada proses pengekodan awal dan pengekodan terfokus. Perincian dapatan ini melibatkan tema-tema utama, kategori induk, subkategori, dan kod-kod yang dikenal pasti. Pada bab ini juga, Pengkaji mencatatkan empat jenis memo dalam menjalankan penyelidikan ini. Seterusnya, dalam Bab Keempat, Pengkaji menghuraikan proses pembentukan teori substantif yang dihasilkan. Proses ini merangkumi langkah-langkah seperti pembentukan tema, penentuan hubungan antara tema, dan pembangunan model teoretikal berasaskan teori substantif tersebut.





Dalam Bab Kelima, Pengkaji membentangkan tinjauan literatur yang telah dilaksanakan serta membincangkan perkaitan antara dapatan kajian dengan hasil tinjauan literatur tersebut. Pengkaji turut mengaitkan dapatan kajian dengan bidang kemahiran TVET serta latar belakang budaya bangsa Melayu bagi memperkukuh interpretasi data dan konteks kajian. Seterusnya, dalam Bab Keenam, Pengkaji merumuskan keseluruhan penyelidikan yang dijalankan berdasarkan pendekatan CGT. Dalam bab ini juga, Pengkaji menghuraikan secara mendalam usaha-usaha yang dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti kajian, di samping membincangkan cabaran serta limitasi yang dihadapi sepanjang proses penyelidikan. Akhir sekali, Pengkaji mengemukakan cadangan untuk kajian lanjutan yang boleh diteroka pada masa akan datang.

